

28 February 2026

Untuk Siaran Segera

Kenyataan Media

**KENYATAAN PUSPAKOM BERHUBUNG GANGGUAN PERKHIDMATAN
AKIBAT RANGKAIAN TELEKOM MALAYSIA**

- *Gangguan rangkaian menjejaskan perkhidmatan, PUSPAKOM bekerjasama dengan Telekom Malaysia bagi mendapatkan penyelesaian*

SHAH ALAM, Sabtu, 28 Februari 2026 – Perkhidmatan PUSPAKOM di semua cawangan dan perkhidmatan unit bergerak di seluruh Malaysia telah mengalami gangguan antara jam 2.00 petang hingga 9.00 malam pada Khamis, 26 Februari 2026, susulan gangguan secara tiba-tiba pada rangkaian internet Telekom Malaysia (TM). Gangguan tersebut telah mengakibatkan urusan pemeriksaan, beberapa transaksi pelanggan, serta perkhidmatan unit bergerak PUSPAKOM tidak dapat dijalankan sepanjang tempoh tersebut.

Gangguan ini melibatkan **kedua-dua talian rangkaian utama dan talian sokongan**, dimana pada kebiasaannya, talian sokongan akan berfungsi bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan. Walaupun insiden ini berpunca daripada rangkaian TM, pihak pengurusan PUSPAKOM sedang berhubung secara aktif dengan TM bagi mengenal pasti punca kejadian serta langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil bagi mengelakkan kejadian berulang.

Oleh itu, pelanggan yang terjejas, boleh hadir ke mana-mana cawangan PUSPAKOM bermula 27 Februari 2026 hingga 5 Mac 2026 bagi tujuan pemulangan bayaran. Bagi perkhidmatan unit bergerak, pihak PUSPAKOM akan menghubungi pelanggan berkaitan dan janji temu akan dijadualkan semula.

PUSPAKOM ingin menegaskan bahawa langkah proaktif telah diambil bagi menangani situasi tersebut dengan berhubung dengan pihak TM sejak bermulanya gangguan. PUSPAKOM sedang bekerjasama rapat dengan TM bagi memastikan perkhidmatan yang menyeluruh dan lancar.



A Member of **DRB-HICOM**

“Kami amat mengambil berat terhadap kesulitan yang dihadapi, terutama menjelang Hari Raya Aidilfitri. PUSPAKOM memberi jaminan kepada semua pihak berkepentingan bahawa kami tetap komited untuk mengekalkan kualiti perkhidmatan. Pihak kami memahami impak gangguan ini dan memohon maaf kepada orang ramai atas sebarang kesulitan atau gangguan terhadap perancangan anda.” kata Mahmood.

Walaupun gangguan tersebut berpunca daripada sistem rangkaian TM, PUSPAKOM tetap menyemak semula pelan kontigensi secara dalaman untuk menghadkan jumlah pelanggan yang terjejas sekiranya kejadian sama berlaku pada masa hadapan. Pelanggan boleh menghubungi kami melalui Live Chat, e-mel customerservice@puspakom.com.my atau mengunjungi cawangan terdekat untuk sebarang pertanyaan lanjut.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Siti Khairuddin
Ketua Bahagian Komunikasi
Pemasaran
dan Pembangunan
Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7769
H/P: 012 - 382 8550

Nik Haizan Nik Zambri
Pengurus, Bahagian Komunikasi Pemasaran dan
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7547
H/P: 012 - 262 0114

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

*Kami mempunyai rangkaian **53 pusat pemeriksaan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai **30 tapak lawatan** yang*



A Member of **DRB-HICOM**

menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.

Kami turut menawarkan **Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak** bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:

- **Trak Bergerak** – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk **Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7)**.

- **Van Bergerak** – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti **pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import**.

Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui www.GiCheck.my, manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi marketing@puspakom.com.my.

Dengan **10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan**, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.